

22/05/2000

Hanya spekulasi: Mustapa

JELI, Ahad - Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, menganggap perkhabaran beliau akan menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan sebagai spekulasi semata-mata.

Katanya, pelantikan bagi jawatan itu berada di bawah kuasa Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagi saya, jawatan tak penting kerana apa yang lebih utama ialah sumbangan terhadap parti tanpa mengira kerusi mana yang diisi.

"Apa yang penting ialah kita setia dan sentiasa berkhidmat untuk kejayaan parti... iltizam saya selama ini adalah untuk menabur jasa serta bakti kepada Umno," katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat bahagian ini di Kompleks Umno Bukit Nangka, dekat sini, hari ini.

Spekulasi berhubung pelantikan Mustapa sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan heboh diperkatakan di negeri ini kebelakangan ini, termasuk di kalangan ahli parti.

Malah, perkhabaran itu turut menarik minat parti pembangkang dan menganggap Mustapa adalah calon terbaik menyandang jawatan itu berbanding pemimpin Umno negeri lain.

(END)